

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2005

PINDAAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON PINJAMAN PENDIDIKAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan syarat-syarat kelayakan memohon pinjaman pendidikan PTPTN.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Peraturan sedia ada menetapkan bahawa pelajar yang memenuhi syarat-syarat di bawah adalah layak memohon pinjaman PTPTN:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran;
- (iii) Bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA), mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (Sektor Pengurusan IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi;
- (iv) Bagi pelajar-pelajar Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar kursus yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi;
- (v) Bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang diluluskan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan Pengurusan IPT (IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi. Kursus-kursus tahap profesional tidak layak mendapat pinjaman PTPTN;
- (vi) Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada agensi sebagaimana dinyatakan di perenggan 2.1 (iii), (iv) dan (v) di atas; dan
- (vii) Tiada penaja lain.

3. PINDAAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON PINJAMAN

3.1 Syarat-syarat kelayakan memohon pinjaman pendidikan yang dipinda adalah seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;**
- (ii) Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon; ✓**
- (iii) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran;**
- (iv) Bagi pelajar-pelajar IPTA, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (Sektor Pengurusan IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi;**
- (v) Bagi pelajar-pelajar Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar kursus yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi;**
- (vi) Bagi pelajar-pelajar IPTS, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (Sektor Pengurusan IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi dan telah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Kelulusan kursus dan Sijil Perakuan Akreditasi hendaklah belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan. IPTS yang belum mendapatkan Sijil Perakuan Akreditasi bagi kursus-kursus yang dijalankan masih dibenarkan mengemukakan permohonan pinjaman untuk pelajar-pelajar mereka sebelum 1 Julai 2006;**
- (vii) Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perenggan 3.1(iv), (v) dan (vi) di atas; dan**
- (viii) Tiada penaja lain.**

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005.

5. PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka syarat-syarat kelayakan memohon pinjaman yang dinyatakan dalam Pekeliling PTPTN Bilangan 1 dan 2 Tahun 2002, brosur-brosur dan surat menyurat yang dikeluarkan sebelum ini adalah dibatalkan.

6. HEBAHAN

6.1 Kerjasama semua IPT dipohon untuk membuat hebahan yang bersesuaian bagi memastikan pelajar-pelajar yang akan memohon pinjaman mengetahui mengenai peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' OTHMAN BIN JUSOH)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh: 27 Jun 2005